

PENERIMAAN JAWI: HUBUNGAN DI ANTARA FAKTOR DEMOGRAFI DAN TAHAP PENERIMAAN JAWI

**Nor Fadzilah binti Md. Yusof¹, Wan Hashridz Rizal bin Wan Abu Bakar²,
Nur Aulia Fahada binti Misaridin³, Mohd Khairull bin Abd Ghani⁴**

¹Fakulti Pangajian Islam Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah
(KUIPSAS)

²Fakulti Pangajian Islam Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah
(KUIPSAS)

³Fakulti Pengurusan dan Infomatik Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad
Shah (KUIPSAS)

⁴Fakulti Bahasa dan Asasi Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah
(KUIPSAS)

Email: fadzilah@kuipsas.edu.my

Abstrak:

Tulisan jawi pernah mencapai era kegemilangan pada zaman dahulu. Kini pelbagai usaha giat dijalankan bagi memartabatkan tulisan jawi di Malaysia. Pelbagai pihak mengambil inisiatif dalam mengembalikan penggunaan tulisan jawi dalam sistem pendidikan Negara seperti di sekolah, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, papan tanda jalan dan sebagainya. Kajian ini dijalankan bagi meninjau Penerimaan Jawi; Hubungan Di Antara Faktor Demografi Dan Tahap Penerimaan Jawi. Namun usaha ini mendapat reaksi yang negatif terutamanya oleh kaum bukan melayu. Kajian ini menggunakan kajian berbentuk kuantitatif. Data kajian dikutip menggunakan instrumen soal selidik yang menetapkan faktor demografi sebagai pengukur utama dalam mencapai objektif kajian ini. Berdasarkan tema kajian ini mendapati golongan Ijazah Sarjana iaitu seramai 8 orang menerima tulisan jawi manakala golongan pekerja swasta iaitu seramai 14 orang menerima tulisan jawi dan golongan berpendapatan RM 2501.00-RM4850.00 seramai 13 orang menerima tulisan jawi.

Kata kunci: Jawi, Demografi, Pendidikan

1. Pengenalan

Tulisan jawi telah lama wujud dan merupakan tulisan rasmi di Tanah Melayu sekitar 1000 tahun dahulu. Tulisan jawi mencapai kegemilangan seiring dengan perkembangan Islam dan pemerintahan Tanah Melayu ketika itu. Namun tulisan jawi semakin tenggelam kesan daripada kedatangan penjajah yang menjajah tanah melayu ketika itu dan menukar tulisan rasmi jawi kepada tulisan rumi. Kini, pelbagai usaha dijalankan oleh pihak kerajaan bagi mengembalikan kegemilangan tulisan jawi di Malaysia. Namun usaha tersebut mendapat pelbagai reaksi positif

dan negatif daripada pelbagai lapisan masyarakat terutama kaum bukan melayu di Malaysia mengakibatkan isu penggunaan tulisan Jawi semakin lama semakin hangat dibahaskan. Menurut laporan daripada kajian yang dijalankan oleh (Ahmad et al., 2012) membuktikan bahawa penulisan jawi masih lagi tidak diterima sepenuhnya oleh masyarakat bukan bumiputera di Malaysia. Oleh demikian itu kajian ini bermatlamat untuk mengenalpasti hubungan diantara faktor demografi dengan tahap penerimaan jawi dalam kalangan masyarakat bukan bumiputera di Malaysia.

2. Kajian literatur


Menurut (Ahmad et al., 2012) menyatakan bahawa tulisan jawi memonopoli dan merupakan tulisan utama di tanah melayu ketika itu meliputi bidang pentadbiran kerajaan, perniagaan dan sebagainya. Tulisan jawi juga merupakan lambang kegemilangan Islam ketika itu kerana tulisan jawi lebih sesuai digunakan berbanding tulisan lain.

Menurut Amin & Rahman (2019) menyatakan bahawa pelajar bersikap positif dan menerima tulisan jawi yang hendak digunakan di peringkat sektor pendidikan Malaysia supaya lebih efektif. Hasil kajian ini menggunakan kaedah kajian berbentuk deskriptif dan kuantitatif. Manakala kajian yang dijalankan oleh Ali & Abdullah (2015) mendapati falsafah pendidikan jawi elemen utama pembentukan tamadun Islam di Malaysia. Kajian menggunakan kajian berbentuk Systematic Literature Review (SLR).

Berdasarkan kajian Nahar, N., & Safar, J. (2016) menyatakan bahawa teknik pengajaran dan pembelajaran jawi masih menggunakan kaedah tradisional dan kurang efektif dalam meningkatkan jawi sebagai lambang warisan Malaysia. Manakala berdasarkan kajian Nahar, N., & Safar, J. (2017) menyatakan bahawa penggunaan tulisan jawi masih berada di tahap yang sederhana dan masih belum untuk memenuhi standard yang ditetapkan oleh falsafah pendidikan Malaysia.

Berdasarkan kajian Ahmad, S., Othman, H., Afkari, R., Rusdi, M., & Rahim, M. H. A. (2018) menyatakan bahawa cabaran tulisan jawi kini ialah tulisan jawi perlu menggunakan pendekatan yang baru selari dengan kaedah pembelajaran awam yang lain dan berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Wahab, N. S. A., Lubis, M. A., Mustapha, R., Sjahrony, A., & Febrian, D. (2017) menyatakan bahawa teknologi multimedia memainkan peranan penting dalam meningkatkan pembelajaran dan penerimaan tulisan jawi.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Aziz, A. Y. A., Sulong, W. M. W., Khamis, H. M., & Alias, N. (2016) menyatakan bahawa keseragaman tulisan jawi perlu dijalankan bagi dapat memudahkan dan diterima oleh masyarakat.



Rajah 1

3. Methodologi Kajian.

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Data kajian dikutip menggunakan instrument soal selidik. Teknik persampelan yang digunakan adalah *multiple stage sampling*, dimana teknik ini mengandungi elemen convenience dan purposive sampling. Seramai 192 responden Berjaya dikumpulkan dan digunakan untuk analisis data. Skala pengukuran yang digunakan adalah skala likert 5 mata bermula daripada 1 sangat tidak setuju hingga 5 sangat setuju. Analisis Data yang digunakan bagi menjawab persoalan kajian adalah *simple linear regression* dengan bantuan perisian SPSS 25.

4. Analisis Data

Jadual 1 Pendidikan

		SP	DIPLOM	IJAZAH	IJAZAH	LAIN		
		M	A	SARJAN	SARJAN	PH	-	JUMLA
				A MUDA	A	D	LAIN	H
1. saya	1	33	20	45	21	1	1	121
akan	2	5	2	6	5	1	1	20
menerima	3	5	3	5	6	1	1	21
a tulisan	4	3	0	1	5	0	1	10
jawi.	5	0	1	6	3	2	2	14
Total		46	26	63	40	5	6	186

Berdasarkan kepada Jadual 1. Analisis mendapati bahawa jumlah golongan bidang pendidikan yang menerima Jawi adalah dari golongan Sijil Pelajaran Malaysia seramai 3 orang, Diploma seramai 1 orang, Ijazah Sarjana Muda seramai 7 orang, Ijazah Sarjana seramai 8 orang, PHD seramai 2 orang dan lain-lain seramai 3 orang. Golongan yang tertinggi menerima jawi ialah golongan Ijazah Sarjana iaitu seramai 8 orang.

Jadual 2 : Pekerjaan

		KAKITA NGAN KERAJA AN	PEKERJ A SWASTA	PEL AJA R	LAIN- LAIN	JUML AH
1. saya akan menerima tulisan jawi.	1	42	56	3	19	120
	2	4	6	0	10	20
	3	4	10	5	2	21
	4	3	7	0	0	10
	5	5	7	0	2	14
JUMLAH		58	86	8	33	185

Berdasarkan jadual 2. Analisis golongan pekerjaan yang paling tinggi menerima tulisan jawi adalah dari golongan kakitangan kerajaan seramai 8 orang, pekerja swasta seramai 14 orang, pelajar tiada dan lain-lain seramai 2 orang. Golongan tertinggi yang menerima jawi ialah dari golongan pekerja swasta iaitu seramai 14 orang.

Jadual 3 Pendapatan

		Kurang daripada RM2,500	RM2,501 - RM4,850	RM4,851 - RM10,970	RM10,971 ke atas	JUMLAH
1. saya akan menerima tulisan jawi.	1	37	43	32	7	119
	2	6	9	3	2	20
	3	8	5	6	1	20
	4	3	7	0	0	10
	5	1	6	6	1	14
Total		55	70	47	11	183

Berdasarkan jadual 3, golongan pendapatan yang menerima tulisan jawi ialah terdiri daripada golongan pendapatan kurang daripada RM2500.00 seramai 4 orang, pendapatan RM2501.00-RM4850.00 seramai 13 orang, pendapatan RM 4851.00-RM10,971.00 ke atas seramai 6 orang, dan pendapatan RM 10,971.00 keatas seramai seorang. Golongan pendapatan yang tertinggi yang menerima tulisan jawi pendapatan RM 2501.00-RM4850.00 seramai 13 orang.

5. Kesimpulan

Kajian ini mendapati hubungan di antara faktor demografi tidak mempengaruhi penerimaan jawi. Penerimaan tulisan jawi amatlah penting bagi keseluruhan rakyat

Malaysia. Ini kerana bagi mencapai kegemilangan tulisan jawi pada masyarakat kini dan penerimaan kepada tulisan jawi.

Rujukan

- Ahmad, S., Othman, H., Afkari, R., Rusdi, M., & Rahim, M. H. A. (2012). Cabaran Semasa Tulisan Jawi Sebagai Warisan Masyarakat Peradaban Bangsa Melayu. *Journal of Techno Social*, 4(2).
- Ali, A. R., & Abdullah, B. (2015). Falsafah Pendidikan Jawi dalam memperkasakan tamadun Islam di Malaysia. *Proceedings of ICIC2015-International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century*, 574–585.
- Amin, N. M., & Rahman, N. A. A. (2019). Persepsi Pelajar Melayu UNITEN terhadap Pembelajaran Tulisan Jawi di Pelbagai Peringkat Pendidikan di Malaysia: Sejauh Mana Usaha-usaha Meluaskan Pembelajaran Jawi Dapat Dilaksanakan? The Perceptions of Malay Students At UNITEN on The Efforts To Extend Ja. *Sains Insani*, 4(1), 7–14.
- Nahar, N., & Safar, J. (2016, November). Pengajaran Jawi Berkesan Dalam Usaha Memartabatkan Warisan Budaya Bangsa. In *Proceedings of the International Conference on Education towards Global Peace*.
- Nahar, N., & Safar, J. (2017) Jawi Teaching Practice Of Islamic Studies Teachers In Jasin District Primary School, Malacca: A Pilot Study. *Man In India*, 97(12), 91-99.
- Ahmad, S., Othman, H., Afkari, R., Rusdi, M., & Rahim, M. H. A. (2018). Tinjauan Terhadap Cabaran Semasa Tulisan Jawi Sebagai Warisan Masyarakat Peradaban Bangsa Melayu. *Journal of Techno Social*, 10(1).
- Wahab, N. S. A., Lubis, M. A., Mustapha, R., Sjahrony, A., & Febrian, D. (2017). Kefahaman Al-Quran dan jawi melalui permainan bahasa bermultimedia. *ASEAN COMPARATIVE EDUCATION RESEARCH JOURNAL ON ISLAM AND CIVILIZATION (ACER-J)*. eISSN2600-769X, 1(1), 41-53.
- Aziz, A. Y. A., Sulong, W. M. W., Khamis, H. M., & Alias, N. (2016). Penyeragaman Sistem Ejaan Jawi di Negara Asean. *Jurnal Linguistik*, 20(2).